



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TYT ERKINJON TURDIMOV, GABENOR WILAYAH SIRDARYA, REPUBLIK UZBEKISTAN KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 28 JANUARI 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Erkinjon Turdimov, Gabenor Wilayah Sirdarya, Republik Uzbekistan semalam. Sesi pertemuan ini turut disertai oleh TYT Karomidin Gadoev, Duta Besar Republik Uzbekistan ke Malaysia. Wilayah Sirdarya terkenal sebagai kawasan pertanian yang menghasilkan tanaman seperti kapas, gandum dan tembikai.

Hubungan perdagangan pertanian antara Malaysia dan Uzbekistan merekodkan nilai sebanyak RM266 juta bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025, melibatkan eksport pelbagai produk pertanian Malaysia ke Uzbekistan seperti kopi, koko, teh, rempah-ratus serta produk pertanian terproses, manakala import dari Uzbekistan merangkumi buah-buahan. Kedua-dua pihak berharap perdagangan pertanian ini dapat terus dipertingkatkan pada masa hadapan demi manfaat bersama.

Kunjungan ini menjadi platform bagi kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai kerjasama dua hala Malaysia–Uzbekistan dalam sektor pertanian dan agromakanan, selaras dengan keutamaan Malaysia dalam memastikan keterjaminan makanan negara. Perbincangan tertumpu kepada potensi kerjasama dalam pembangunan tanaman melon, sektor perikanan serta pemodenan penanaman padi menggunakan teknologi seperti dron.

Dalam pertemuan tersebut, YB Menteri turut menyampaikan jemputan kepada Uzbekistan untuk menyertai *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show* (MAHA) 2026 yang akan berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang, dengan tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”. Sesi kunjungan hormat ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN